



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS.100-2/1/10 JLD 3 (78)

ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA IKTIRAF DAN HARGAI BELIA MALAYSIA

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah menyempurnakan Majlis Penyampaian **Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** bertempat di **Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya** pada hari ini.
2. Majlis ini turut dihadiri YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan serta pengurusan tertinggi Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
3. APBN telah mula diperkenalkan pada **tahun 1988 dengan tujuan** untuk:
 - 3.1 Menghargai dan **mengiktiraf sumbangan dan pencapaian belia Malaysia** yang telah memberikan impak signifikan kepada pembangunan negara;
 - 3.2 Memberi dorongan kepada belia Malaysia untuk **meningkatkan penglibatan dan sumbangan** kepada pembangunan belia;
 - 3.3 Memperkasakan **pembangunan belia daripada kepelbagaian perspektif** seterusnya memberikan impak kepada negara; dan
 - 3.4 Melahirkan belia **dengan jati diri unggul** selaras dengan pendekatan **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030)**.
4. APBN pada tahun ini mempertandingkan **empat (4) kategori anugerah utama, dua (2) kategori anugerah khas** dan **lima (5) kategori ikon belia** dianugerahkan. Bagi kategori anugerah utama, **pencalonan di peringkat negeri** telah **bermula pada bulan April 2023**, dengan pemenang setiap negeri akan dicalonkan untuk anugerah peringkat kebangsaan.

5. Bagi kategori **anugerah khas dan ikon belia** pula, pencalonannya adalah di **peringkat kebangsaan** sahaja. Penerima anugerah akan membawa pulang **hadiah wang tunai, trofi dan sijil**. Selain itu, **Anugerah Khas Inspirasi** yang merupakan penghargaan khas YB Menteri Belia dan Sukan telah diperkenalkan pada tahun 2023.
6. Pemenang APBN Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 telah dipilih oleh **panel penilai yang mempunyai kepakaran dalam kategori masing-masing** sebelum dipersetujui oleh **Jawatankuasa Pengesahan Pemenang APBN**. Senarai penuh penerima anugerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
7. Pelaksanaan APBN diharap dapat menjadi **pemangkin semangat kepada pemenang dan belia yang lain** untuk **terus menyumbang kepada agenda pemerksaan dan pembangunan belia** di semua peringkat serta mencapai kejayaan yang lebih membanggakan pada masa akan datang.
8. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berhubung penganjuran APBN, sila hubungi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) di talian **03-8871 3294** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

11 NOVEMBER 2023

LAMPIRAN A

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

KATEGORI ANUGERAH UTAMA

1. KATEGORI PERTUBUHAN BELIA

BIL	PERTUBUHAN	KEDUDUKAN	NEGERI
1	Persatuan Belia (MBFM) Felda Kerteh 03	Johan	Terengganu
2	Persatuan Belia (MBFM) Felda Pasoh 04	Naib Johan	Negeri Sembilan
3	Junior Chamber International Malaysia	Tempat Ketiga	WP Kuala Lumpur
4	Junior Chamber International Alor Setar	Saguhati	Kedah

2. KATEGORI INDIVIDU LELAKI

BIL	NAMA	KEDUDUKAN	NEGERI
1	Encik Mohammad Syafiq Ridzwan bin Jamaluddin	Johan	Selangor
2	Encik Khairul Azhar bin Kamaruzaman	Naib Johan	Kelantan
3	Encik Muhammad Shohaimil Haffiz bin Salleh	Tempat Ketiga	Terengganu

3. KATEGORI INDIVIDU WANITA

BIL	NAMA	KEDUDUKAN	NEGERI
1	Cik Debbie Gibson Anak Medan	Johan	Sarawak
2	Cik Khairunnisa binti Abu Samah	Naib Johan	WP Kuala Lumpur
3	Cik Nur Munirah binti Othman	Tempat Ketiga	Kelantan

4. KATEGORI EMAS REMAJA PERDANA

NAMA	NEGERI
Encik Dineshkumar A/L Narayanasamy	Negeri Sembilan

KATEGORI ANUGERAH KHAS

1. ANUGERAH KHAS

NAMA	NEGERI
Cik Sivasangari Subramaniam	Kedah

2. ANUGERAH KHAS INSPIRASI

NAMA	NEGERI
Puan Intan Zulaikha binti Jusoh	Terengganu

KATEGORI IKON BELIA

1. IKON BELIA KARISMATIK

NAMA	NEGERI
Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain	Johor

2. IKON BELIA REKA TEKNO

NAMA	NEGERI
Dr. Alexander Choo Chia Chun	Pulau Pinang

3. IKON BELIA KELESTARIAN ALAM

NAMA	NEGERI
Encik Muhammad Naili Jazli bin Mohd Jamsari	Johor

4. IKON YOUTH-BIZ

NAMA	NEGERI
Encik Muhammad Al Ahnaf bin Mohd Roslan	Terengganu

5. IKON BELIA OKU

NAMA	NEGERI
Encik Mohd Faiz bin Shuhaimi	Selangor